

Sastera

Kartun

Laman Khas

SEARCH ARCHIVES

FEEDBACK

ABOUT US

Arkib Bancian
Komen Bancian

□ Korporat

CIMB-Principal lancar Dana Pertumbuhan berasas Islam

KUALA LUMPUR 28 Mei – CIMB-Principal Management Berhad (CIMB-Principal) hari ini melancarkan Dana Struktur Pertumbuhan berasaskan Islam yang memberi pelaburpelabur perlindungan asas.

Ketua Eksekutif CIMB-Principal, Noripah Kamsu dalam satu kenyataan berkata, dana itu juga memberi peluang kepada pelabur membuat untung ke atas modal dalam tempoh tiga tahun menerusi kombinasi ekuiti antarabangsa, hartanah dan aset komoditi.

“Memandangkan dana ini patuh Syariah, ia menyediakan skop yang lebih luas bagi pelabur yang layak untuk melabur dalam dana ini.


“Pelabur runcit lebih mampu membuat pelaburan dalam dana ini kerana ia tidak mengenakan yuran pengurusan, selain jumlah pelaburan yang minimum sebanyak RM10,000, berbanding produk berstruktur tradisional yang secara tradisinya menetapkan pelaburan minimum berjumlah RM250,000,” katanya.

“Dengan menggabungkan tiga kelas aset kepada empat bahagian berlainan, dana ini mampu memaksimumkan potensi keuntungan. Bagaimanapun, peluang adalah terhad,” katanya.

Beliau berkata, tawaran dana itu akan ditutup kepada pelabur-pelabur baru pada 6 Julai ini, atau lebih awal sekiranya



Noripah Kamsu.



Ta
ta
Be

- MAS I tempah 1
- CIMB-lancar Da Pertumbu Islam
- Prude Enhance RM300j
- Tanjoi Globeq RM1.67 t
- Untun Pharman peratus
- CCM

dana ini telah habis dilanggan sepenuhnya.

“Dana ini ialah dana tertutup berakhir selama tiga tahun dengan yuran permohonan sebanyak 2.50 peratus daripada jumlah aset bersih setiap unit,” tambah beliau.

Katanya, jika pelabur ingin mengeluarkan wang pelaburan mereka lebih awal daripada tempoh kematangan dana, maka yuran pengeluaran sehingga 1.5 peratus akan dikenakan dan perlindungan asas tidak akan diberikan.

“Harga jualan seunit permulaan ialah RM0.50 dan saiz dana yang telah diluluskan ialah 400 juta unit,” katanya.

Sementara itu, pada satu majlis berasingan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Investment Bank Bhd. (CIMB Investment), Charon Wardini Mokhzani berkata, bank itu menjangka menerbitkan 40 waran belian menerusi prospektus asas keduanya yang baru dilancarkan, pada tahun ini.

Katanya, daripada 40 waran belian itu, CIMB akan menerbitkan 20 waran belian bagi saham dan indeks asing.

“Terbitan seterusnya akan berdasarkan kepada saham asing dalam zon masa Asia,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran prospektus waran berstruktur baru syarikat di sini, hari ini.

Ketika ditanya mengenai kriteria pemilihan saham itu, Charon berkata: “Ia mesti anggota Persekutuan Bursa Dunia, diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan purata permodalan pasaran harian sekurang-kurangnya RM3 bilion sejak tiga bulan lepas atau RM5 bilion bagi syarikat yang baru disenaraikan.”

Mengenai prospektus yang baru dilancarkan itu, Charon berkata, ia membolehkan CIMB menerbitkan waran berstruktur seperti waran belian, waran belian kumpulan dan struktur berkaitan ekuiti bul dalam saham pendasar tempatan dan juga asing.

Beliau berkata, prospektus asas ini sah bagi tempoh setahun sehingga 27 Mei, 2008, dan setiap tawaran waran berstruktur akan disertakan dengan lembar bertempoh.

“Pelabur runcit dan institusi Malaysia kini akan mempunyai peluang untuk mendapat pendedahan saham asing sebagai sebahagian daripada harga saham pendasar tanpa perlu membuka akaun dagangan luar negara atau akaun mata wang asing,” katanya.

Sempana pelancaran prospektus asas kedua itu, CIMB menerbitkan empat waran belian saham biasa Bursa Malaysia

operasi k
● DNC /
jualan na
● North
Pelabuha
tarik subs
● Well-C
pengedar

© UTU
MELA'
BHD.,
Jalan I
Jalan C
Lin, 55
Kuala I

Bhd., Telekom Malaysia Bhd., HSBC Holdings Plc. dan Singapore Telecommunications Ltd.

Waran belian itu telah pun terlebih langganan, kata pengarah unit derivatif ekuiti, CIMB Lim Jong Hau.

E-mail
[online](#)

| [Term](#)